

## OBJEKTIF KEJOHANAN

- Mempromosikan kempen 'ATLET BEBAS ROKOK'
- Objektif sampingan: Melahirkan atlet berkualiti, menambah bilangan kejohanan untuk atlet bawah umur dan memupuk sikap mahu menang & kelakuan yang baik dalam kalangan atlet sejak dari sekolah rendah lagi.

## PERATURAN – PERATURAN PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan-peraturan WA / KOM dan juga mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh penganjur kejohanan ini.

## PERTANDINGAN UTAMA

- (a) **Shuttle Relay 4 x 100m Lari Berpagar dan 4 x 110m Lari Berpagar**
- satu pasukan terdiri daripada **4 pelari**;
  - **2 pelari berada di garisan permulaan dan 2 lagi di garisan penamat**;
  - **1 pasukan menggunakan 2 lorong**;
  - pelari **pertama** berlari dari garisan penamat ke garisan permulaan;
  - pelari **kedua** berlari dari garisan permulaan ke garisan penamat;
  - pelari **ketiga** berlari dari garisan penamat ke garisan permulaan; dan
  - pelari **keempat** berlari dari garisan permulaan ke garisan penamat untuk menamatkan larian.

Harap imbas (*scan*) kod QR untuk menonton acara seperti ini.  
[Mixed Shuttle Hurdles Relay Final World Athletics Relays Silesia 2021 Day 1 \(youtube.com\)](https://www.youtube.com/watch?v=...)



- (b) **2 x 2 x 400m**
- satu pasukan terdiri daripada **2 pelari**;
  - pelari pertama berlari 400m dan memberi baton kepada pelari kedua;
  - pelari kedua berlari 400m dan memberi baton semula kepada pelari pertama;
  - pelari pertama berlari 400m dan memberi baton semula kepada pelari kedua; dan
  - pelari kedua berlari 400m untuk menamatkan larian.
- Catatan: bermakna setiap peserta akan berlari 800m secara keseluruhan.**

Harap imbas (*scan*) kod QR untuk menonton acara seperti ini.  
[Mixed 2x2x400m Relay | World Athletics Relays Yokohama 2019 \(youtube.com\)](https://www.youtube.com/watch?v=...)



(c) **Medley Relay (100m+200m+300m+400m)**

- satu pasukan terdiri daripada **4 pelari**;
- **pelari pertama** berlari sejauh **100m** dan menyerahkan baton kepada pelari kedua;
- **pelari kedua** berlari sejauh **200m** dan menyerahkan baton kepada pelari ketiga;
- **pelari ketiga** berlari sejauh **300m** dan menyerahkan baton kepada pelari keempat; dan
- **pelari keempat** berlari **400m** untuk menamatkan larian.

Harap imbas (*scan*) kod QR untuk menonton acara seperti ini.

[Women's Medley Relay Final | Race Replay | European Athletics U18 Championships \(youtube.com\)](https://www.youtube.com/watch?v=...)



## **SISTEM PERTANDINGAN**

(a) Acara **2 x 2 x 400m, 4 x 100m, Medley Relay (100m+200m+300m+400m), 100m dan 400m**

- Sekiranya terdapat **2 Separuh Akhir**:  
3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kedua-dua separuh akhir layak ke peringkat akhir
- Sekiranya terdapat **3 Separuh Akhir**:  
2 peserta (pertama dan kedua) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke peringkat akhir
- Sekiranya terdapat **lebih daripada 3 Separuh Akhir**:  
8 peserta ke peringkat akhir ditentukan mengikut masa terbaik

(b) Acara **Shuttle Relay 4 x 100m Lari Berpagar dan 4 x 110m Lari Berpagar**

- 4 peserta ke peringkat akhir ditentukan mengikut masa terbaik

(c) Acara **Lompat Tinggi, Lompat Jauh, Lontar Peluru dan 1,500m**

- semua peserta terus ke pertandingan akhir
- terhadap kepada 30 peserta sahaja

**Catatan:**

Pihak penganjur berhak menukar format pertandingan

**CATATAN MASA**

Catatan masa secara elektronik menggunakan photo finish sepenuhnya akan digunakan di dalam kejohanan ini.

**UMUR KELAYAKAN**

- 12 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) lahir pada atau selepas 1 Januari 2012
- 14 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan) lahir pada tahun (2010 - 2011)
- 16 tahun ke bawah (Lelaki dan Perempuan ) lahir pada tahun (2008 - 2009)
- Terbuka Lelaki dan Perempuan, lahir pada atau sebelum 31 Disember 2007.